

NO.SOALAN: 391

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]**

RUJUKAN : 7304

SOALAN:

Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyakkah lesen senjata api yang dikeluarkan daripada tahun 2000 hingga 2014. Berapa banyakkah kes jenayah berlaku bersabit dengan senjata-senjata api yang berlesen ini dan adakah Kerajaan mempunyai statistik penggunaan senjata api tanpa lesen mengikut kes-kes jenayah yang berlaku.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 70,081 lesen senjata api telah dikeluarkan daripada tahun 2000 sehingga Ogos 2014. Sepanjang tempoh yang sama, sebanyak 7,723 kes jenayah yang melibatkan penyalahgunaan senjata api telah direkodkan di seluruh negara. Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai maklumat berhubung dengan kes-kes jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api tanpa lesen dalam tempoh tersebut.

Kementerian ini sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam menangani isu penyalahgunaan senjata api oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.